



Ruj. Tuan : SUKJ.MSNJ(P).700-4/6/1()

Ruj. Kami : JPNJ.500-5/1/11 Jld.4 ()

Tarikh : 04 Julai 2025

Pengarah

Majlis Sukan Negeri Johor

Aras 1, Bangunan Dato' Mohamad Ibrahim Munsyi,
Kota Iskandar
79000 Iskandar Puteri
Johor Darul Ta'zim

Tuan,

**MAKLUM BALAS PENGANJURAN KEJOHANAN JOHOR ATHLETE
DEVELOPMENT & EMPOWERMENT (JDE) GAMES 2025**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor sentiasa menggalakkan pelibatan guru, anggota kumpulan pelaksana dan murid dalam program sukan di bawah mana-mana badan sukan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan kemenjadian murid.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor mengambil maklum atas permohonan pihak tuan untuk permohonan pelepasan pegawai dan juga murid kami ke program di atas yang akan diadakan seperti **di lampiran**.

3. Untuk makluman tuan, surat makluman ini tertakluk kepada semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa serta mematuhi perkara-perkara berikut :

- 3.1 pihak tuan hendaklah memohon kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat. Peranan pengetua/guru besar terhad dalam mempertimbangkan memberi kelulusan Cuti Tanpa Rekod dan pelepasan belajar murid sahaja;
- 3.2 murid, guru, warga sekolah dan pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini dan pelibatan murid perlu mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa/ penjaga;
- 3.3 segala kos menyertai program ini ditanggung sepenuhnya oleh pihak tuan tanpa memberi implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor, sekolah, guru dan murid yang terlibat (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2018 bertarikh 7 Jun 2018) dan tidak membebankan ibu bapa/penjaga;
- 3.4 pihak tuan perlu menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan guru serta murid yang terlibat dengan program ini; dan
- 3.5 guru-guru pengiring hendaklah dilantik untuk mengiringi murid-murid ini dengan mengikut nisbah (10:1)
- 3.6 permohonan Cuti Tanpa Rekod (CTR) adalah tertakluk dan perlu mematuhi syarat serta peraturan CTR seperti yang di nyatakan dalam pekeliling MyPPPSM Ceraian SR 5.5.1.

**MAKLUM BALAS PENGANJURAN KEJOHANAN JOHOR ATHLETE
DEVELOPMENT & EMPOWERMENT (JDE) GAMES 2025**

4. Pegawai kami **Encik Mohd Hanafi bin Ali**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor di talian **07-2311481** atau menerusi e-mel hanafi.a@moe.gov.my bersedia untuk dihubungi bagi sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini.


Kerjasama tuan memberikan keutamaan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. :

1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
2. Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Negeri Johor
3. Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat



Rujukan Kami : SUKJ.MSNJ(P).700-4/6/1()
Tarikh : 20 Jun 2025

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak,
80604 Johor Bahru, Johor.
(u.p. : Ketua Unit Sukan)

Tuan,

MAKLUMAN PENGANJURAN KEJOHANAN JOHOR ATHLETE DEVELOPMENT & EMPOWERMENT (JADE) GAMES 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Majlis Sukan Negeri Johor melalui Seksyen Pembangunan Sukan dan Persatuan-Persatuan Sukan Negeri Johor akan menganjurkan Kejohanan Johor *Athlete Development & Empowerment* (JADE) Games 2025 pada bulan Julai hingga November 2025 sebagaimana ketetapan berikut:

SIRI	SUKAN	TARIKH	DAERAH
SIRI 1	Silat Lawan Pedang	25 hingga 27 Julai 2025	Johor Bahru
SIRI 2	Karate Wushu Olahraga Gimnastik Artistik Judo Basikal	14 hingga 16 November 2025	Kluang

*Tertakluk kepada perubahan tarikh dan tempat

3. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini memohon agar kejohanan ini diiktiraf dalam pemarkahan kokurikulum murid memandangkan kejohanan ini adalah sebagai platform pancarian bakat untuk mewakili negeri Johor di Temasya Sukan Malaysia.

4. Justeru itu, pihak kami juga mohon jasa baik tuan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Pejabat Pendidikan Daerah bagi makluman yang akan terlibat di dalam kejohanan tersebut. Untuk makluman pihak tuan penglibatan pelajar adalah di bawah umur 13 hingga 20 tahun.

Rujukan Kami : SUKJ.MSNJ(P).700-4/6/1()

5. Diharapkan perkara ini mendapat pertimbangan dan kelulusan dari pihak Tuan. Segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. MOHD EKMALUDDIN ISHAK)

Pengarah

Majlis Sukan Negeri Johor

szh/SRAS/MTP/KejohananJADEGAMES2025

